

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18 / 01 / 1983

**PM akan
umum
tarikh
larang
umat Islam
ke kasino
tidak
lama lagi**

KUALA LUMPUR 17 Jan. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dijangka akan mengumumkan tarikh melarang umat Islam bekerja dan berkunjung ke kasino Genting tidak lama lagi.

Utusan Malaysia difahamkan, pengumuman tersebut akan dibuat sebaik sahaja semua pekerja di kasino tersebut ditukarkan untuk bekerja di tempat lain.

Sehingga ini hanya tinggal kira-kira 30 orang kakitangan beragama Islam di kasino yang belum dipindahkan dan usaha sedang dijalankan agar mereka memperoleh kerja lain di luar tempat perjudian.

Utusan Malaysia diberitahu bahawa kerja-kerja pemindahan itu yang melibatkan kira-kira 300 orang pekerja telah berjalan sejak beberapa bulan yang lalu.

Ekonomi

Bagaimanapun kerja-kerja pemindahan itu memakan masa kerana masalah kemelesetan ekonomi dan isu semasa di mana kebanyakan industri terutama perindustrian terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja akibat keadaan tersebut.

Mengenai ura-ura mengharamkan pekerja-pekerja Islam dari bekerja di kilang-kilang minuman keras, Utusan Malaysia juga difahamkan langkah tersebut akan mengambil masa terutama menyediakan kerja bagi mereka yang akan terlibat di dalam industri ini. Satu bentuk penyusunan dan penyaluran bagi menyerap pekerja Islam itu perlu diwujudkan sebelum sebarang peraturan seumpama itu dikenakan.

Ini adalah ekor dari Akta Undang-Undang Syariah Wilayah Persekutuan yang dijangka akan dikuatkuasakan akhir tahun ini.

Akta tersebut merangkumi berbagai aspek termasuk hukum

LIHAT MUKA 14

Umum tarikh larang ke kasino

perkahwinan, nafkah hidup dan poligami. Draf undang-undang sedang diteliti oleh Jabatan Agama Islam Wilayah.

Soal pengharaman segala bentuk perjudian telah ditimbulkan dalam perhimpunan agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia September tahun lalu. Pergerakan Pemuda UMNO telah membahaskan usul mengenai pengharaman se-

mua bentuk perjudian di negara ini selaras dengan aspirasi kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang ditanya mengenai perkara tersebut dalam bulan itu telah memberitahu bahawa kerajaan akan mengkaji semua aspek sebelum mengambil langkah sedemikian.